

12/08/1999

Dua firma, konsortium urus JBAS

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu - Kerajaan Selangor melantik dua syarikat dan dua konsortium sebagai rakan kongsi melaksanakan penswastaaan Jabatan Bekalan Air Selangor (JBAS) untuk menyediakan bekalan air bersih yang mencukupi kepada penduduk Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata dua syarikat itu ialah Puncak Niaga Sdn Bhd dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) manakala konsortium terbabit ialah Tan Sri Wan Azmi-Gamuda-KDEB dan Zufar-Peransang Water Management.

"Kita sedang membincangkan bagaimana syarikat penswastaaan ini akan disusun untuk memberi ruang yang membolehkan pihak yang saya sebut tadi menjadi rakan kongsi penswastaaan.

"Buat masa ini, kerajaan negeri sedang berunding dengan Unit Perancang Ekonomi serta syarikat berkenaan bagi tujuan penswastaaan itu dan berharap penswastaaan ini dilaksanakan menjelang akhir tahun ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata, gabungan keempat-empat syarikat berkenaan adalah pendekatan lebih berkesan kerana semua terbabit dalam penswastaaan dan penyelarasan ini ialah yang mengurus dan mengagihkan air kepada pengguna.

Katanya, sebelum ini, kerajaan negeri memutuskan JBAS akan diswastakan dan pihak yang bertanggungjawab menguruskan penswastaaan itu ialah Puncak Niaga dan KDEB.

"Tetapi oleh kerana pada masa ini memandangkan masalah bekalan di Selangor bertambah rumit dan permintaan bertambah, banyak pihak terbabit dengan pembersihan air. Pada masa kini ada beberapa syarikat membekalkan air kepada Selangor dan Wilayah Persekutuan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri bersetuju melantik Konsortium TSWA-Gamuda-KDEB untuk projek Sungai Selangor Fasa III manakala Zufar dan Peransang Water Management ialah pihak yang membersihkan air untuk diagihkan kepada pengguna.

"Gabungan beberapa syarikat dalam konsep penswastaaan JBAS ini adalah selaras arahan Kerajaan Persekutuan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa mereka yang membersihkan air juga mesti terbabit dalam pembahagian air untuk pengguna," katanya.

Sementara itu, Abu Hassan berkata, kerajaan negeri menerima laporan dari Unit Perancang dan Pembangunan Jabatan Perdana Menteri mengenai perbelanjaan pembangunan di Selangor bagi 1999.

Sehingga akhir Julai lalu, sebanyak RM220 juta atau 61 peratus daripada RM440 juta peruntukan pembangunan dibelanjakan untuk pelbagai projek, terutama menyediakan kemudahan infrastruktur kepada rakyat.

"Daripada 252 projek yang dikenal pasti, sebanyak 200 projek berjaya disiapkan dan ini adalah suatu perkembangan yang menggalakkan dan saya percaya semua peruntukan perbelanjaan itu dapat dihabiskan menjelang tahun ini, termasuk peruntukan tambahan perbelanjaan RM98.2 juta yang diluluskan oleh sidang Dewan Undangan Negeri Selangor, Isnin lalu," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu jawatankuasa khas yang dianggotai Setiausaha Kerajaan Negeri, Ambrin Buang dan beberapa jabatan kerajaan memantau perjalanan projek di negeri Selangor bagi memastikan ia berjalan mengikut jadual.

(END)